

26 NOV 2001

SC-PLC

SYARIKAT TERSENARAI TIDAK CUKUP MODAL MESTI BERITAHU PELABUR TENTANG STATUS

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Syarikat-syarikat senarai awam (PLC) di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang tidak kecukupan modal dikehendaki memaklumkan kepada para pelabur mengenai status ketidak patuhan mereka dan rancangan mereka bagi pematuhan, Suruhanjaya Sekuriti berkata hari ini.

PLC itu perlu memaklumkan kepada para pelabur melalui laporan kemaskini dalam penyiaran keputusan kewangan suku tahunan mereka, kata pengawas pasaran itu di dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya bahawa ini mestilah dilaksanakan dengan serta-merta sehingga mereka mematuhi sepenuhnya keperluan modal berbayar minimum berkenaan.

Syarikat-syarikat yang disenaraikan di Papan Utama dikehendaki menambah modal berbayar mereka kepada RM60 juta manakala syarikat-syarikat di Papan Kedua kepada RM40 juta.

Keperluan modal berbayar RM60 juta dan RM40 juta bagi Papan Pertama dan Papan Kedua masing-masing dikuat kuasakan oleh SC pada awal 1999 bagi meningkatkan pengapungan bebas dan kecairan saham-saham syarikat tersenarai di BSKL.

Sehingga 13 November 2001, kira-kira 12 peratus daripada 516 syarikat tersenarai di Papan Utama dan 57 peratus daripada 293 syariakt di Papan Kedua belum mencapai modal berbayar minimum yang dikehendaki itu.

SC mengingatkan syarikat-syarat tidak kecukupan modal supaya mematuhi tarikh akhir bagi pematuhan itu, yang telahpun dilanjutkan dari 30 April 2002 kepada 31 Disember 2002.

Lanjutan itu telah diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Belanjawan 2002 yang dibentangkan 19 Oktober lalu.

SC berkata bahawa sekuriti syarikat-syarikat tersenarai yang gagal memenuhi syarat modal berbayar minimum sehingga tarikh akhir yang dilanjutkan itu akan tertakluk kepada sekatan dagangan (pembayaran penuh sebelum pembelian).

Sekatan dagangan itu hanya akan dibatalkan apabila syarikat-syarikat itu telah mematuhi sepenuhnya syarat berkenaan, katanya.

"SC juga akan mengambil langkah-langkah lain selepas tamat tempoh tarikh akhir tersebut, seperti penggantungan daripada dagangan, sekiranya syarikat itu masih gagal menunjukkan usaha yang bersungguh-sungguh dan komited untuk meningkatkan modal berbayar mereka ke tahap yang dikehendaki," katanya.

SC berkata bahawa sebarang cadangan korporat baru yang dikemukakan kepada SC oleh syarikat sedemikian mestilah memasukkan cadangan bahawa ia akan meningkatkan modal berbayar kepada tahap minimum.

"Cadangan-cadangan yang tidak mengemukakan saiz modal tidak akan dipertimbangkan," katana. -- BERNAMA

LES FR OS